

UMNO, BN tidak gentar berubah demi kesejahteraan
Utusan Online
September 23, 2011

KUALA LUMPUR 22 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, UMNO dan Barisan Nasional (BN) tidak pernah sesekali takut sebaliknya akan meneruskan perubahan dalam pentadbiran serta pelbagai aspek lain demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Perdana Menteri berkata, ini kerana parti itu sebuah pertubuhan politik progresif dan inklusif dalam mengharungi peredaran zaman seperti dibuktikan dengan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang diumumkankannya 15 September lalu.

Katanya, perubahan atau transformasi yang sentiasa dilakukan UMNO serta BN memastikan kejayaan parti itu untuk mendekati rakyat seterusnya berupaya memenangi hati dan pemikiran mereka.

“Sewaktu kita menuntut kemerdekaan, negara lain berhempas pulas terpaksa bertumpah darah menentang penjajah tetapi kita pilih jalan permuafakatan antara kaum dan merundingkan kemerdekaan sehingga berjaya mencapainya dengan cara jauh lebih mudah daripada negara lain.

“Kalau negara lain bersengketa antara kaum seperti Ireland Utara yang begitu lama, beberapa generasi mereka berdepan dengan konflik dalaman, kita (pula) mendahului zaman apabila mewujudkan perkongsian politik antara kaum melalui Perikatan dan BN, kita berjaya mentadbir negara dengan aman dan mewujudkan kestabilan dalaman dengan begitu jaya,” katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berucap pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sementara itu, katanya, kerajaan akan membentangkan butiran lengkap dua akta baru yang akan menggantikan ISA dalam masa terdekat agar rakyat faham.

“Saya sudah janji dua tahun lalu bahawa ISA akan dipinda, bukan kerana tuntutan pembangkang. Kini saya sudah menunaikan janji serta memansuhkannya dengan diganti dua akta baru dan beberapa lagi langkah yang kita akan ambil,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0923&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm